

LAPORAN JAWATANKUASA BERTINDAK PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI MENYIASAT DAKWAAN PENDERAAAN SEKSUAL TERHADAP WANITA KAUM PENAN DI SARAWAK

DISEDIAKAN OLEH :

**URUS SETIA
JAWATANKUASA BERTINDAK PERINGKAT
KEBANGSAAN BAGI MENYIASAT DAKWAAN
PENDERAAAN SEKSUAL TERHADAP WANITA KAUM
PENAN DI SARAWAK**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAHAGIAN PERTAMA

1. TUJUAN LAPORAN

BAHAGIAN KEDUA

2. LATAR BELAKANG

BAHAGIAN KETIGA

3. LAPORAN LAWATAN

BAHAGIAN KEEMPAT

4. PENEMUAN HASIL SIASATAN DAN

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

4.1 PENEMUAN ISU PENDERERAN 46 – 61

SEKSUAL

4.2 CADANGAN DAN SYOR 62 – 63

(ISU PENDERERAN SEKSUAL)

4.3 PENEMUAN ISU PENDAFTARAN 64 – 71

4.4 CADANGAN DAN SYOR 72 – 75

(ISU PENDAFTARAN)

4.5 PENEMUAN ISU KESIHATAN	76 – 84
4.6 CADANGAN DAN SYOR (ISU KESIHATAN)	85 – 87
4.7 PENEMUAN ISU PENDIDIKAN	88 – 96
4.8 CADANGAN DAN SYOR (ISU PENDIDIKAN)	97 – 98
 BAHAGIAN KELIMA	 99 – 101
5. KESIMPULAN	
 LAMPIRAN	 103 – 111
 AKRONIM	 112

RINGKASAN EKSEKUTIF

Susulan dari publisiti meluas akhbar tempatan sekitar bulan September 2008 berkaitan dakwaan penderaan seksual terhadap wanita kaum Penan di Sarawak, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak pada 8 Oktober 2008.

Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak ini diterajui oleh Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan dipengerusikan oleh Y. B. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen. Ahli Jawatankuasa Bertindak ini adalah terdiri daripada Kementerian dan Agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Penubuhan Jawatankuasa Bertindak ini adalah bertujuan bagi menyiasat dakwaan eksplotasi seks ke atas wanita dan pelajar perempuan kaum Penan di Sarawak oleh pekerja syarikat pembalakan.

Satu lawatan ke kawasan Baram, Sarawak yang disertai oleh Ahli Jawatankuasa Bertindak telah dibuat pada 10 hingga 15 November 2008. Hasil dari penemuan lawatan berkenaan, Jawatankuasa Bertindak telah mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan yang meliputi bidang tugas beberapa Kementerian / Agensi Kerajaan.

LAPORAN JAWATANKUASA BERTINDAK PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI MENYIASAT DAKWAAN PENDEREAAN SEKSUAL TERHADAP WANITA KAUM PENAN DI SARAWAK

BAHAGIAN PERTAMA : TUJUAN PENUBUHAN JAWATANKUASA BERTINDAK

1. TUJUAN LAPORAN

- 1.1. Kertas ini bertujuan melaporkan kepada Jemaah Menteri tentang mesyuarat dan penyiasatan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak.
- 1.2. Kertas ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian Pertama memaklumkan tujuan penyiasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak. Bahagian Kedua menjelaskan latar belakang kepada penubuhan jawatankuasa ini dan juga mesyuarat serta perbincangan yang diadakan. Bahagian Ketiga memaklumkan Laporan Lawatan Ke Kawasan Baram

Sarawak. Bahagian Keempat memperincikan lawatan dan penemuan di kawasan tersebut dengan memberi fokus kepada masalah dan isu yang dihadapi oleh penduduk setempat di samping memberi cadangan penambahbaikan. Bahagian Kelima dan terakhir akan memberi kesimpulan kepada keseluruhan laporan.

BAHAGIAN KEDUA : LATAR BELAKANG PENUBUHAN JAWATANKUASA BERTINDAK

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Susulan dari laporan akhbar tempatan seperti di Lampiran 1A dan Lampiran 1B dan juga gesaan awam dalam bulan September 2008 berkaitan dakwaan penderaan seksual terhadap wanita kaum Penan di Sarawak, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif untuk mengangkat perkara ini ke Mesyuarat Jemaah Menteri.
- 2.2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Oktober 2008 telah bersetuju supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak. Tujuan penubuhan Jawatankuasa Bertindak ini adalah bagi menyiasat dakwaan eksplorasi seks ke atas wanita dan pelajar perempuan kaum Penan di Sarawak oleh pekerja syarikat pembalakan. Definisi penderaan seksual

mengikut Akta Kanak-kanak 2001 adalah seperti di **Lampiran 2.**

- 2.3. Jawatankuasa Bertindak ini dipengerusikan oleh Y. B. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut juga telah menyenaraikan Kementerian / Agensi yang menganggotai Jawatankuasa Bertindak ini seperti berikut:
- i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat:
 - a. Jabatan Pembangunan Wanita;
 - b. Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
 - c. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
 - ii. Kerajaan Negeri Sarawak:
 - a. Wakil Kaum Penan;
 - b. Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak (Biro Wanita Sarawak); dan
 - c. Pejabat Residen Miri.

- iii. Kementerian Dalam Negeri:
 - a. Polis DiRaja Malaysia; dan
 - b. Jabatan Pendaftaran Negara.
 - iv. Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - v. Kementerian Pelajaran Malaysia;
 - vi. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;
 - vii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
 - viii. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO):
 - a. *Women's Aid Organisation*; dan
 - b. *Women's Centre for Change, Penang*.
- 2.4. Y.B. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Jawatankuasa Bertindak telah melantik Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Y. Bhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak ini dengan diurus setiakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita.

- 2.5. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 15 Oktober 2008 dan mesyuarat kedua pada 28 Oktober 2008 dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita. Kedua-dua mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan tindakan susulan yang akan diambil.
- 2.6. **Terma Rujukan** yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Bertindak adalah seperti berikut:
- i. Jawatankuasa yang ditubuhkan dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak, Malaysia.
 - ii. Objektif penubuhan Jawatankuasa ialah bagi menyiasat dakwaan penderaan seksual terhadap wanita kaum Penan di Sarawak.
 - iii. Lokasi siasatan ke atas dakwaan kes penderaan seksual adalah di kawasan Baram, Sarawak.
 - iv. Siasatan dan cadangan akan dibuat berdasarkan laporan sedia ada oleh SUHAKAM, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi

mengenalpasti faktor penyebab atau risiko yang dihadapi oleh wanita kaum Penan.

- v. Satu lawatan ke kawasan Baram, Sarawak akan dibuat pada 10 hingga 15 November 2008.

BAHAGIAN KETIGA : LAPORAN LAWATAN KE KAWASAN BARAM, SARAWAK

3. LAPORAN LAWATAN

- 3.1. Jawatankuasa Bertindak telah berlepas ke Kuching, Sarawak pada 10 November 2008. Pada hari tersebut, tiga taklimat telah diadakan seperti berikut:
- i. Taklimat oleh Unit Perancang Negeri Sarawak;
 - ii. Taklimat Pembangunan Kaum Penan oleh Residen Bahagian Miri, Y. Bhg. Datu Ose Murang; dan
 - iii. NGO dan orang perseorangan Sarawak : wakil *Institute for Development, Environment and Alternative Living* (IDEAL), Encik Wong Meng Chuo, *Sarawak Women for Women Society* (SWWS) dan Encik See Chee How; dan
 - iv. Berdasarkan statistik Unit Perancang Negeri Sarawak, populasi kaum Penan di pedalaman Sarawak ialah seramai 16,281 orang.

3.2. Untuk tujuan lawatan dan penyiasatan, Ahli Jawatankuasa Bertindak telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu **Kumpulan Satu** yang dipertanggungjawabkan untuk **mengenal pasti isu dan masalah komuniti Penan** dan **Kumpulan Dua** mengenai **isu dan masalah komuniti Penan di peringkat sekolah**. Rasional pembahagian kepada dua kumpulan tersebut adalah memandangkan fokus penyiasatan ini mestilah **merangkumi individu dan komuniti yang terdiri daripada wanita serta kanak-kanak perempuan**.

3.3. Ahli *Kumpulan Satu* (seperti di **Lampiran 3**) telah melawat ke petempatan seperti berikut:

- i. Long Item;
- ii. Long Kawi;
- iii. Long Luteng;
- iv. Long Belok; dan
- v. Kampung Ugos, Jambatan Suai, Niah.

3.4. Ahli *Kumpulan Dua* (seperti di **Lampiran 4**) telah melawat ke sekolah berikut:

- i. Sekolah Kebangsaan Long Lapok;

- ii. Sekolah Rendah Kebangsaan Long Kevok;
 - iii. Sekolah Rendah Kebangsaan St. Pius, Long San;
 - iv. Sekolah Rendah Kebangsaan Long Bedian;
 - v. Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Lawai Jau, Long San; dan
 - vi. Sekolah Menengah Kebangsaan Long Lama.
- 3.5. Seterusnya bagi melengkapkan siasatan, lawatan juga dibuat ke perkampungan Penan di Long Muboi dan Ba' Keluan.
- 3.6. Rombongan turut disertai oleh dua orang penterjemah dari kaum Penan. Pengangkutan yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan dalam misi ini adalah kenderaan pacuan empat roda (4WD).
- 3.7. **Perlu diambil perhatian bahawa bagi setiap kes yang disyaki berlaku, Ahli Jawatankuasa mengalami kesukaran untuk mendapatkan tarikh sebenar kejadian yang didakwa oleh mangsa-mangsa kerana mereka tidak dapat mengingati tarikh sebenar kejadian.**

3.8 LAPORAN LAWATAN *KUMPULAN SATU*

- i. *Kumpulan Satu* telah membuat lawatan ke Long Item dan Long Kawi pada 11 November 2008. Pada keesokan harinya (12 November 2008), *Kumpulan Satu* telah melawat Long Luteng dan keesokannya (13 November 2008) ke Long Belok. Pada 14 November 2008, *Kumpulan Satu* telah melawat Kampung Ugos, Jambatan Suai, Niah, Bahagian Miri. Hasil lawatan dan penyiasatan adalah seperti di Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 1 : Penemuan di Long Item, Ulu Baram

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
1.	Profil tempat	<p>i. Terdapat 30 buah keluarga yang menetap di Long Item;</p> <p>ii. Petempatan masyarakat kaum Penan di sini adalah di rumah panjang;</p> <p>iii. Pada umumnya, majoriti penduduk boleh dikategorikan sebagai golongan miskin tegar kerana tidak mempunyai pendapatan tetap. Aktiviti ekonomi hanya bergantung kepada hasil hutan dan bercucuk tanam secara kecil-kecilan;</p> <p>iv. Untuk sampai ke kampung ini, <u>jalan balak merupakan satu-satunya jalan perhubungan</u>. Seterusnya, <u>penduduk perlu menyeberangi sungai</u> untuk memasuki kampung ini kerana ketiadaan jambatan;</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>v. Sekolah terdekat menggunakan jalan balak dengan kenderaan pacuan empat roda yang mengambil masa selama empat jam perjalanan sehala adalah Sekolah Kebangsaan Long Luteng, Sekolah Kebangsaan Long Kevok, Sekolah Rendah Kebangsaan Long Bedian, Sekolah Menengah Kebangsaan Long San dan Sekolah Menengah Kebangsaan Long Lama; dan</p> <p>vi. Klinik terdekat yang juga mengambil masa selama 4 jam perjalanan sehala dengan kenderaan pacuan empat roda terdapat di Long Kevok, Long Bedian dan Long Lama.</p>
2.	Masalah penduduk	<p>i. Jalan menuju ke kampung tersebut dibina oleh syarikat pembalakan Inter Hills. Memandangkan ia merupakan jalan yang digunakan oleh lori balak, maka keadaan jalan adalah tidak selamat, dan</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>berbahaya, terutama pada musim hujan kerana struktur jalan yang berbukit, licin, sempit dan selekoh yang sangat berbahaya;</p> <p>ii. Kampung Long Item terletak di seberang sungai dan <u>tidak ada jambatan untuk menyeberang. Penduduk terpaksa mengharung air sungai yang deras dengan berjalan kaki untuk berurus keluar dari kampung. Semasa paras air sungai naik, penduduk terputus hubungan;</u></p> <p>iii. Kebergantungan kepada syarikat pembalakan adalah terlalu tinggi bagi membolehkan mereka berurus di luar, termasuk untuk menghantar dan mengambil anak pergi dan balik dari sekolah. Penduduk mengharapkan ihsan dari syarikat pembalakan untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain termasuk menghantar kaum keluarga ke</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>klinik sekiranya berlaku kecemasan;</p> <p>iv. Tidak ada kemudahan bekalan air dan elektrik disediakan;</p> <p>vii. Tidak ada ketua kampung dan Jawatankuasa Kecil dan Keselamatan Kampung (JKKK). Ketua kampung telah berpindah dan membangunkan perkampungan baru serta membawa bersama-sama sebahagian daripada penduduk kampung beberapa tahun lalu dan <u>lantikan ketua kampung baru (oleh Pejabat Daerah) masih belum dibuat.</u> <u>Penduduk tidak ada saluran untuk mengadu atau merujuk masalah</u> berkaitan keselamatan, kebajikan dan sebagainya; dan</p> <p>viii. Masalah pengangkutan dan kemiskinan menyebabkan ramai yang tidak mampu untuk ke bandar bagi mendaftar kelahiran anak dan tidak mempunyai kad</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		pengenalan. Daripada permasalahan tersebut juga maka timbulah masalah kecinciran pelajar dan taraf kesihatan yang tidak memuaskan.



Gambar 1 : Tidak ada jambatan penghubung ke Kampung Long Item kecuali mengharungi air sungai yang deras.



Gambar 2 : Keadaan dan pemandangan sekitar rumah panjang di Long Item.



Gambar 3 : Temubual antara Ahli Jawatankuasa Bertindak dengan kaum wanita Penan di Long Item.

Jadual 2 : Penemuan di Long Kawi, Ulu Baram

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
1.	Profil Tempat	<p>i. Populasi penduduk seramai 200 orang yang terdiri daripada 38 buah keluarga;</p> <p>ii. Di samping petempatan di rumah panjang bagi penduduk-penduduk di Long Kawi, rumah-rumah persendirian juga dibina berasingan. Lebih daripada satu keluarga mendiami sesbuah rumah;</p> <p>iii. Jalan pembalakan yang dibina oleh syarikat pembalakan Sam Ling merupakan jalan penghubung utama ke kampung ini;</p> <p>iv. Pada umumnya, majoriti penduduk boleh dikategorikan sebagai golongan miskin tegar kerana tidak mempunyai pendapatan tetap. Aktiviti ekonomi hanya bergantung kepada hasil hutan dan bercucuk tanam secara kecil-kecilan;</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>v. Sekolah terdekat menggunakan jalan balak dengan kenderaan pacuan empat roda yang mengambil masa antara empat hingga enam jam perjalanan sehala ialah Sekolah Kebangsaan Long Luteng dan Sekolah Menengah Kebangsaan Long Lama; dan</p> <p>vi. Klinik terdekat menggunakan jalan balak dengan kenderaan pacuan empat roda yang mengambil masa antara 4 hingga 6 jam perjalanan sehala ialah di Long Bedian.</p>
2.	Masalah penduduk	<p>i. Seperti di Long Item, penduduk Long Kawi juga menggunakan jalan yang dibina oleh syarikat pembalakan sebagai jalan penghubung utama. Keadaan jalan tidak selamat dan berbahaya terutama ketika musim hujan kerana struktur jalan yang berbukit, licin dan sempit;</p> <p>ii. Seperti juga di Long Item,</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p><u>kebergantungan penduduk Long Kawi kepada syarikat pembalakan adalah terlalu tinggi.</u> Penduduk memerlukan ihsan syarikat pembalakan bagi membolehkan mereka bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain, termasuk juga untuk menghantar dan mengambil anak pergi dan balik dari sekolah dan lain-lain urusan persendirian;</p> <p>iii. Tidak ada kemudahan bekalan air dan elektrik. Penduduk yang berkemampuan, menggunakan generator persendirian; dan</p> <p>iv. Masalah pengangkutan dan kemiskinan menyebabkan ramai yang tidak mampu untuk ke bandar bagi mendaftar kelahiran anak dan tidak mempunyai kad pengenalan. Daripada permasalahan tersebut juga maka timbulah masalah keciciran pelajar dan taraf kesihatan</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		yang tidak memuaskan.



Gambar 4 : Kawasan Long Kawi di Ulu Baram.



Gambar 5 : Rumah panjang yang terdapat di Long Kawi.



Gambar 6 : Rumah Ketua Kampung Long Kawi.

Jadual 3 : Penemuan di Long Luteng, Ulu Baram

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
1.	Profil Tempat	<ul style="list-style-type: none">i. Terdapat 74 buah keluarga Penan menetap di Long Luteng;ii. Perkampungan terdiri daripada rumah-rumah yang dibina secara berasingan antara satu sama lain (rumah panjang telah terbakar sejak tahun 2000);iii. Jalan pembalakan dan jambatan gantung adalah jalan perhubungan utama;iv. Pada umumnya, majoriti penduduk boleh dikategorikan sebagai golongan miskin tegar kerana tidak mempunyai pendapatan tetap. Aktiviti ekonomi hanya bergantung kepada hasil hutan dan bercucuk tanam secara kecil-kecilan;v. Terdapat sebuah sekolah di perkampungan tersebut iaitu sekolah Kebangsaan Long Luteng yang terletak di

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>seberang sungai dan dihubungkan oleh sebuah jambatan gantung yang telah rosak. Kemudahan sekolah menengah hanya terdapat di Long Lama dan Long San Sekolah yang mengambil masa antara empat hingga enam jam perjalanan sehala menggunakan jalan balak dengan kenderaan pacuan empat roda;</p> <p>vi. Seperti juga Long Kawi, klinik terdekat adalah di Long Bedian iaitu sejauh empat jam perjalanan dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda dan enam jam perjalanan dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda ke Long Lama; dan</p> <p>vii. Bekalan air diperoleh dari <i>gravity feed</i> iaitu air yang disalurkan dari gunung dengan menggunakan paip.</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
2.	Masalah penduduk	<p>i. Tidak ada kemudahan bekalan elektrik;</p> <p>ii. Rumah panjang yang telah terbakar sejak tahun 2000 masih dalam proses pembinaan rumah baru. Menurut penduduk kampung, sehingga tarikh lawatan, mereka belum menerima sebarang bantuan untuk membina semula rumah;</p> <p>iii. Jambatan yang menghubungkan kampung ke sekolah telah rosak pada bulan Oktober 2008 kerana banjir. Jambatan belum dibaik pulih dan penduduk terpaksa menghantar anak ke sekolah menggunakan perahu kecil yang hanya boleh memuatkan seramai empat orang penumpang sahaja pada satu masa. Keadaan tebing yang tinggi dan licin juga tidak selamat untuk perjalanan berperahu;</p> <p>iv. Kebergantungan kepada syarikat</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>pembalakan adalah terlalu tinggi bagi membolehkan mereka bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain, termasuk juga untuk menghantar/mengambil anak pergi dan balik dari tinggal di asrama sekolah, klinik dan lain-lain. Kenderaan syarikat pembalakan pula tidak menyediakan jadual perjalanan yang tetap; dan</p> <p>v. Masalah pengangkutan dan kemiskinan menyebabkan ramai yang tidak mampu untuk ke bandar bagi mendaftar kelahiran anak dan tidak mempunyai kad pengenalan. Daripada permasalahan tersebut juga maka timbulah masalah keciciran pelajar dan taraf kesihatan yang tidak memuaskan.</p>



Gambar 7 : Penduduk di Long Luteng.



Gambar 8 : Jambatan gantung yang digunakan oleh kanak-kanak sekolah di Long Luteng yang telah rosak akibat banjir.



Gambar 9 : Rumah yang masih dalam proses pembinaan menggantikan rumah yang telah terbakar di Long Luteng.

Jadual 4 : Penemuan di Long Belok, Ulu Baram

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
1.	Profil Tempat	<p>i. Terdapat 56 buah keluarga yang menetap di Long Belok iaitu seramai 300 orang;</p> <p>ii. Petempatan lebih tersusun dan teratur hasil perancangan oleh <i>United Nations Development Programme</i> (UNDP) dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW);</p> <p>iii. Jalan pembalakan dan jambatan gantung adalah jalan perhubungan utama;</p> <p>iv. Taraf hidup penduduk di bawah paras kemiskinan kerana tidak mempunyai pendapatan tetap. Aktiviti ekonomi bergantung kepada hasil hutan dan bercucuk tanam (padi, ubi kayu, buah-</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>buahan dan sebagainya) secara kecil-kecilan;</p> <p>v. Sekolah terdekat ialah Sekolah Kebangsaan Long Bedian sejauh dua jam perjalanan melalui jalan balak dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Jarak ke Sekolah Menengah Kebangsaan Long Lama pula sejauh empat jam perjalanan melalui jalan balak dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda;</p> <p>vi. Klinik terdekat ialah di Long Bedian dan Long Lama yang mengambil masa selama dua jam perjalanan dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan balak; dan</p> <p>vii. Bekalan air diperoleh dari <i>gravity feed</i>.</p>
2.	Masalah penduduk	<p>i. Tidak ada kemudahan bekalan elektrik;</p> <p>ii. Kebergantungan kepada syarikat</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>pembalakan adalah terlalu tinggi bagi membolehkan mereka bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain, termasuk juga untuk menghantar/mengambil anak pergi dan balik dari tinggal di asrama sekolah, klinik dan lain-lain. Kenderaan syarikat pembalakan pula tidak menyediakan jadual perjalanan yang tetap; dan</p> <p>iii. Masalah pengangkutan dan kemiskinan menyebabkan ramai yang tidak mampu untuk ke bandar bagi mendaftar kelahiran anak dan akibatnya mereka tidak mempunyai kad pengenalan. Daripada permasalahan tersebut juga maka timbulah masalah keciciran pelajar dan taraf kesihatan yang tidak memuaskan.</p>
3.	Keperluan	Masyarakat setempat memohon supaya dibina sebuah tadika atau taska.



Gambar 10 : Kawasan di perkampungan Long Belok yang agak membengung dibandingkan dengan petempatan lain.



Gambar 11 : Kebanyakan rumah di Long Belok mempunyai para bola.



Gambar 12 : Jambatan gantung yang digunakan oleh penduduk Long Belok untuk berhubung dengan pihak luar.

**Jadual 5 : Penemuan di Kampung Ugos, Jambatan Suai-Niah,
Bahagian Miri**

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
1.	Profil tempat	<p>i. Penduduk kampung ini ialah seramai 500 orang iaitu sejumlah 150 buah keluarga;</p> <p>ii. Kampung petempatan semula kaum Penan yang terlibat dengan projek penanaman kelapa sawit di tanah <i>Native Customary Rights</i> (NCR) Penan;</p> <p>iii. Tanah milik kaum Penan disatukan untuk tanaman kelapa sawit. Satu syarikat dilantik untuk mengerjakan ladang iaitu <i>Sarawak Plantation Berhad</i> (SPB) Pelita Suai. <i>Land Consolidation and Rehabilitation Development Authority</i> (LCDA) pula dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebagai pengurus (<i>managing agent</i>). Projek dimulakan pada tahun 1999 dengan tempoh perjanjian selama 60 tahun;</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>iv. Penduduk kampung ini mempunyai pendapatan tetap di mana majoriti bekerja di ladang kelapa sawit. Hasil perladangan pula dibahagikan sebanyak 60% untuk SPB Pelita Suai, 10% untuk <i>managing agent</i> dan 30% untuk penduduk kampung. Hasil yang diterima penduduk bergantung kepada keluasan tanah NCR yang dimiliki;</p> <p>v. Selain hasil perladangan, penduduk menjalankan kegiatan ekonomi sampingan seperti menanam kelapa sawit secara persendirian, bercucuk-tanam, bekerja sendiri dan bekerja makan gaji;</p> <p>vi. Kemudahan asas seperti elektrik, air dan jalan raya disediakan dengan lengkap; dan</p> <p>vii. Sekolah dan pusat kesihatan terletak</p>

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>berdekatan dengan perkampungan ini iaitu Sekolah Kebangsaan Telingai, Sekolah Menengah Kebangsaan Subis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Suai, Batu Niah dan Klinik Kesihatan Telingai, Suai. Kesemua lokasi ini mengambil masa selama 30 minit perjalanan dengan menaiki kenderaan melalui jalan raya berturap.</p>
2.	Catatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Penduduk kampung lebih berdikari kerana sumber pendapatan yang mencukupi untuk keperluan keluarga; ii. Keadaan rumah secara keseluruhannya baik dan kebanyakan keluarga mampu memiliki kenderaan sendiri; iii. Mereka tidak bergantung kepada bantuan orang luar untuk pengangkutan; iv. Taraf kesihatan penduduk lebih baik. Poliklinik Kerajaan dan klinik swasta mudah dikunjungi kerana terletak

BIL.	PERKARA	CATATAN / PENEMUAN
		<p>berdekatan dengan perkampungan ini; dan</p> <p>v. Masalah keciciran pelajar agak kurang kerana jarak sekolah yang terletak berdekatan dengan rumah dan telah ada kesedaran di kalangan ibu bapa untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka.</p>
3.	Keperluan	<p>i. Walau bagaimanapun, mereka masih memerlukan sokongan daripada pihak Kerajaan dengan menyediakan program pembangunan kapasiti dan peningkatan kualiti hidup seperti program untuk wanita dan ibu tunggal.</p>



Gambar 13 : Keadaan rumah di Kampung Ugos yang sudah membangun.



Gambar 14 : Salah sebuah rumah di Kampung Ugos.



Gambar 15 : Salah sebuah rumah di Kampung Ugos.



Gambar 16 : Ladang kelapa sawit milik masyarakat kaum Penan di Kampung Ugos, Batu Niah, Miri.



Gambar 17 : Sekolah Kebangsaan Batu Telingai di Kampung Suai.



Gambar 18 : Kilang memproses kelapa sawit milik pengusah kaum Penan.

BAHAGIAN KEEMPAT : PENEMUAN HASIL SIASATAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

4.1 PENEMUAN ISU PENDERAAAN SEKSUAL

i. Temubual Dengan Wanita Disyaki Mangsa di Rumah Perlindungan Wanita, Women's Aid Organisation (WAO) di Selangor

- a. Sebelum berlepas ke Sarawak pada 10 November 2008, Ahli Jawatankuasa Bertindak memutuskan untuk mengadakan satu sesi pertemuan dengan dua orang wanita Penan yang disyaki mangsa penderaan seksual. Pertemuan tersebut telah diadakan pada 5 November 2008. Terdahulu dari ini, kedua-dua wanita tersebut telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan berita mengenai wanita ini juga telah disiarkan dalam akhbar The Star bertarikh 6 Oktober 2008 (Lampiran 1).
- b. Sesi pertemuan tersebut telah diadakan di Pusat Perlindungan Wanita, *Women's Aid Organisation*, Petaling Jaya, Selangor. Temubual telah diadakan oleh empat Ahli Jawatankuasa Bertindak yang terdiri daripada:

- Y. Bhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita;
 - Dr. Hamizah Hassan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara;
 - Dr. Rosnah Ramly, Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
 - Puan Norsalina Salim, Jabatan Pembangunan Wanita.
- c. Pada sesi pertemuan tersebut, dapatan dari temubual seorang daripada mangsa yang dikenali sebagai Cindy (bukan nama sebenar) dan Bibi (bukan nama sebenar) yang masing-masing berusia 17 dan 21 tahun adalah seperti berikut:

Kes 1

- i. Cindy, yang pada ketika itu masih menginap di asrama, mengaku pernah dirogol pada usia 12 tahun oleh orang yang tidak dikenali semasa bersiar di luar kawasan sekolah yang mana pada masa itu kebanyakan kawannya telah balik ke kampung untuk cuti persekolahan;

- ii. Cindy kemudian dirogol sekali lagi semasa dalam perjalanan ke sekolah oleh pekerja syarikat pembalakan ketika menumpang kenderaan syarikat tersebut dari perkampungannya di Long Kawi ke sekolah di Long Lama;
- iii. Beliau mengakui bahawa kaum Penan amat bergantung kepada kenderaan syarikat pembalakan kerana tempat tinggal mereka yang terlalu jauh di pedalaman dan ditambah pula tiada kenderaan lain yang boleh digunakan. Selain itu, faktor kemiskinan juga adalah penyebab kepada kebergantungan tersebut;
- iv. Pihak sekolah ada menyediakan kenderaan pada satu masa dahulu untuk pelajar-pelajar pulang ke rumah pada cuti penggal persekolahan tetapi kemudahan tersebut telah diberhentikan menyebabkan mereka amat bergantung kepada kenderaan syarikat pembalakan bagi bantuan pengangkutan;
- v. Apabila mendapati dirinya mengandung Cindy telah mengambil keputusan berhenti sekolah dan telah

berkahwin dengan teman lelakinya berbangsa Penan serta melahirkan anak; dan

- vi. Walaupun begitu, sebelum berkahwin Cindy juga mengaku pernah menjalinkan hubungan seksual dengan lelaki Penan yang kini menjadi suaminya.

Kes 2

- i. **Bibi** tidak bersekolah dan berasal dari Long Item, mengaku telah dirogol sebanyak dua kali oleh lelaki yang sama sehingga mengandung dan melahirkan anak. **Kejadian yang pertama** berlaku pada tahun 2005 di mana perogol yang dikenalinya sebagai Johnny (bukan nama sebenar) **telah masuk ke dalam rumahnya pada waktu malam dan merogol Bibi di dalam biliknya sendiri**. Dia **mengenali Johnny, sebagai pekerja balak dari Kem Inter Hill** yang berdekatan dengan kampungnya, apabila Bibi dan keluarganya menumpang kenderaan Bibi untuk balik ke kampungnya selepas menghantar adiknya ke sekolah. Jarak perjalanan dari kampung ke sekolah adiknya di Long San adalah dua hari berjalan kaki. Akibat kejadian itu **Bibi melahirkan**

seorang anak perempuan yang kini berusia dua tahun;

- ii. Kejadian rogol kedua berlaku pada tahun 2007 di mana sekali lagi Johnny telah menceroboh masuk ke rumah Bibi semasa beliau berseorangan. Sekali lagi Bibi mengandung dan telah melahirkan seorang anak perempuan pada Februari 2008; dan
- iii. Menurut Bibi, selain buta huruf, beliau tidak melaporkan kejadian itu kepada polis kerana beliau tidak tahu bagaimana untuk melakukannya. Dia juga tidak memberitahu keluarganya siapa yang merogolnya kerana takut. Penduduk di kampungnya juga memang kerap menumpang kenderaan syarikat balak kerana ketiadaan pengangkutan lain. Johnny juga telah beberapa kali menghantar makanan kepada Bibi dan keluarganya. Johnny juga telah mengaku Bibi sebagai isterinya tetapi Bibi tidak mahu menerima kerana Johnny sudah pun mempunyai dua orang isteri di mana salah seorang daripadanya adalah wanita kaum Penan.

ii. Temubual Dengan Wanita Disyaki Mangsa Penderaan Seksual Di Kawasan Baram:

Tarikh : 11 November 2008

Tempat : Kampung Ba'Keluan

Kes 3

- i. Temubual dengan seorang wanita Penan di Ba'Keluan, Angelina (bukan nama sebenar). Beliau mengakui mengenali dua orang wanita masing-masing berumur 20 dan 15 tahun yang mempunyai hubungan sulit dengan pekerja-pekerja syarikat pembalakan yang mereka kenali semasa menumpang kenderaan kepunyaan syarikat pembalakan untuk keluar kawasan. Perhubungan tersebut tidak disenangi dan menjadi buah mulut masyarakat setempat. Walau bagaimanapun kedua-dua wanita tersebut telah berkahwin dengan lelaki tempatan (bukan pembalak) pada pertengahan 2008 dan telah berpindah keluar dari kampung tersebut.

Tarikh : 12 dan 13 November 2008

Tempat : Long Muboi

Kes 4

- i. Lawatan ke rumah panjang di Long Muboi. Temubual *Kumpulan 2* dengan gadis Penan yang merupakan pelajar Sekolah Menengah di Long San bernama **Diana** (bukan nama sebenar). Beliau menceritakan pemandu trak dari syarikat pembalakan telah mencabul kehormatan kawan kepada kawan beliau bernama Sarah (bukan nama sebenar) berusia 14 tahun dengan meraba payudara semasa menumpangkan kanak-kanak tersebut ke sekolah. Beliau menceritakan perkara ini memang sering berlaku dan selalunya mangsa memberitahu keluarga tetapi tidak melaporkan kepada guru kerana takut dituduh berbohong dan mencari alasan untuk tidak pergi ke sekolah serta didenda atau dirotan; dan
- ii. Pada lokasi yang sama, Jawatankuasa Bertindak juga telah dimaklumkan mengenai kejadian penderaan seksual yang melibatkan anggota

pakaian seragam. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan kesahihan maklumat kerana keterangan fakta yang tidak jelas oleh orang yang ditemubual.

Kes 5

- i. Hasil temubual dengan **Fiona** (bukan nama sebenar), beliau menceritakan pengalaman zaman persekolahan beliau semasa menumpang kenderaan syarikat pembalakan untuk ke sekolah. Menurut beliau, mereka **sering dicabul dan ada juga cubaan untuk merogol pelajar perempuan oleh pemandu kenderaan milik syarikat pembalakan.** Semasa berumur 10 tahun beliau bersama empat pelajar sebaya menumpang kenderaan milik syarikat pembalakan untuk ke sekolah. Namun pemandu telah membawa mereka ke persimpangan lain dan berhenti di kawasan semak serta cuba memperkosa mereka. Bagaimanapun, mereka telah berjaya melepaskan diri sehingga menyebabkan kecederaan dan tidak hadir ke sekolah pada hari tersebut;

- ii. Dalam satu insiden yang lain, Fiona memaklumkan bahawa pemandu kenderaan syarikat pembalakan pernah menyuruh pelajar-pelajar lelaki turun dari kenderaan yang dinaiki. Pelajar lelaki telah sempat menarik keluar pelajar perempuan kecuali seorang pelajar bernama **Isabella** (bukan nama sebenar). Pemandu tersebut telah membawa Isabella lari dari tempat itu. Sejak itu, tiada siapa bertanya kepada Isabella tentang kejadian itu;
- iii. **Fiona** mendedahkan bahawa semasa di tingkatan satu (13 tahun) beliau telah **diperkenalkan kepada seorang lelaki Iban pekerja balak yang bernama Dennis** (bukan nama sebenar) semasa melawat ibu saudaranya di Miri. **Beliau telah dilarikan dan dirogol oleh lelaki tersebut.** Keluarga Fiona telah membuat laporan kehilangan beliau. Pihak Polis telah menemuinya di kem Kilometer 10 bersama lelaki tersebut dan dibawa ke Balai Polis Bakong, Beluru dan kemudiannya ke Balai Polis Miri. Mangsa berhenti sekolah selepas kejadian tersebut;

- iv. Selepas kejadian tersebut, mangsa berkenalan pula dengan seorang pekerja balak lain bernama Mark (bukan nama sebenar) yang datang ke kampungnya untuk membeli barang. Mark sentiasa datang membawa rokok, minuman keras dan makanan lain untuk dikongsi bersama penduduk kampung dan kemudiannya tidur dengan Fiona di rumahnya. Mangsa menceritakan ada kalanya Mark membawa kawan-kawan dari kem untuk berpesta dan mengadakan hubungan seks di rumah ladang milik orang tuanya. Setiap pembalak membawa pasangan masing-masing dari kalangan gadis Penan. Perhubungan Fiona dengan Mark berterusan selama hampir dua tahun dan putus selepas Mark mula mengalihkan perhatian kepada gadis lain dari rumah panjang yang sama;
- v. Fiona seterusnya menceritakan beliau berkenalan pula dengan seorang pembalak dari suku kaum Kenyah bernama David (bukan nama sebenar). David juga pada mulanya datang ke kampung tersebut untuk membeli barang, kemudiannya berkenalan dengan mangsa. Mangsa telah melahirkan anak luar nikah yang kini berusia tiga

tahun enam bulan hasil dari perhubungan dengan David. Fiona menceritakan beliau terpaksa memutuskan hubungan dengan David kerana isteri David telah datang ke rumah panjang dan merayu supaya Fiona memutuskan hubungan dengan suaminya; dan

- vi. **Fiona** menceritakan beliau kemudiannya berkenalan dengan **Eric** (bukan nama sebenar) **seorang peniaga berbangsa Cina** yang datang ke rumah panjang tersebut untuk membeli rotan dan gaharu. Eric sering memberi wang dan membawa makanan kepada mangsa dan keluarga. **Fiona mempunyai anak luar nikah yang kini berusia dua tahun** hasil perhubungan beliau dengan Eric. Hubungan mereka putus kerana Eric telah menjalinkan hubungan dengan gadis Penan lain yang bernama **Halle** (bukan nama sebenar) di rumah panjang yang sama.

Kes 6

- i. Temubual dengan gadis Penan bernama **Mary** (bukan nama sebenar). Mary menceritakan bahawa beliau **hampir diperkosa semasa menumpang kenderaan syarikat pembalakan bersama bapa**

beliau untuk memohon kad pengenalan di Long Bangan, Baram. Di pertengahan jalan, pemandu telah menyuruh semua penumpang lain turun sambil tangan pemandu tersebut memegang Mary dan terus memecut kenderaannya. Bapa Mary berserta penumpang lain terus mengejar kenderaan tersebut. Semasa di dalam kenderaan, Mary telah meronta untuk melarikan diri menyebabkan pemandu memberhentikan kenderaannya. Kemudiannya, pemandu tersebut telah menarik Mary ke dalam semak tetapi pada masa yang sama bapa Mary dan penumpang lain telah sampai ke tempat kejadian dan pemandu tidak sempat berbuat apa-apa kepada Mary.

Tarikh : 14 November 2008

Tempat : Hospital Miri

Kes 7

- i. Temubual antara gadis Penan bernama **Gloria** (bukan nama sebenar) berusia 17 tahun di Hospital Miri. Beliau baru tiga minggu melahirkan anak tidak cukup bulan tetapi bayi tersebut selamat. **Jiran-jiran**

mendakwa Gloria mempunyai hubungan seks dengan pekerja-pekerja balak sebelum ini. Walau bagaimanapun Gloria telah menafikan sebarang hubungan seperti yang didakwa malah menafikan sebarang tuduhan tentang masalah gangguan seksual oleh pekerja syarikat pembalakan terhadap kanak-kanak dan wanita Penan. Gloria menyatakan beliau berhenti sekolah semasa di tingkatan satu dan kemudiannya bekerja sebagai pembantu rumah di Semenanjung Malaysia. Selepas itu beliau kembali ke Sarawak dan kali ini bekerja di kantin Kem Kilometer 10. Beliau bagaimanapun kelihatan agak terganggu dan hampir menangis semasa ditemubual.

Tarikh : 12 November 2008

Tempat : Long Item

Kes 8

- i. Sekumpulan wanita yang ditemubual telah mengesahkan bahawa mereka percaya wujudnya kejadian eksplorasi seks di kalangan wanita dan anak gadis Penan oleh orang luar tetapi mangsa

mungkin malu untuk mengadu dan bercerita tentangnya.



Gambar 19 : Temubual yang dijalankan oleh Ahli Jawatankuasa Bertindak dengan sekumpulan penduduk Long Item.



Gambar 20 : Temubual dijalankan antara Ahli Jawatankuasa dan kaum wanita Penan di Long Luteng.



Gambar 21 : Temubual Ahli Jawatankuasa Bertindak dengan sekumpulan kaum wanita Penan di rumah Tuai Rumah (Ketua Kampung) di Long Belok.



Gambar 22 : Sesi temubual dijalankan dengan sekumpulan wanita Penan di Kampung Ugos, Jambatan Suai, Niah.

4.2 CADANGAN DAN SYOR (ISU PENDERAAAN SEKSUAL)

- i. Mewujudkan kurikulum berkaitan keselamatan diri, pendidikan seksual dan keganasan terhadap wanita kepada pelajar sekolah;
- ii. Mengadakan kempen kesedaran mengenai gangguan seksual dan keganasan terhadap wanita kepada ibu bapa, warga sekolah serta pegawai dan kakitangan agensi Kerajaan yang berkaitan, termasuk Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- iii. Mengadakan program khas kepada semua ibu bapa dan pelajar, terutamanya masyarakat kaum Penan, untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya aspek pelajaran, kesihatan dan keselamatan diri;
- iv. Mengadakan program orientasi kepada guru yang baru ditempatkan di sekolah pedalaman untuk memastikan mereka peka dan memahami kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar kaum Penan;
- v. Menerapkan elemen budaya masyarakat Penan dan etnik lain di Sarawak di dalam kurikulum sekolah;

- vi. Memilih pemandu kenderaan yang boleh dipercayai; dan
- vii. Menambah bilangan dan memenuhi jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPm). PPm boleh ditugaskan untuk mengiringi pelajar pulang ke kampung halaman masing-masing. Sekiranya perjawatan lebih dari seorang, PPm boleh menggunakan sistem giliran semasa mengiringi pelajar.

4.3 PENEMUAN ISU PENDAFTARAN

- i. Semasa lawatan *Kumpulan Satu*, penduduk Penan yang ditemui di Long Item, Long Kawi dan Long Luteng telah menyuarakan masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri. Bagaimana pun penduduk di petempatan tersebut tidak menunjukkan sebarang dokumen bukti yang mengesahkan bahawa mereka pernah membuat permohonan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sama ada di JPN Long Lama atau JPN Marudi atau semasa lawatan operasi pendaftaran bergerak. Di ketiga-tiga kampung Penan tersebut, *Kumpulan Satu* tidak dapat menemui ketua kaum Penan di situ kerana beliau tiada di rumah semasa lawatan. Selain itu, kebanyakan penduduk di Long Item dan Long Kawi ketika itu tiada di rumah.
- ii. *Kumpulan Satu* berkesempatan bertemu En. Lah Beling, Ketua Kaum Penan di Long Belok. Beliau menyuarakan masalah yang dihadapi oleh anak buah beliau berkaitan dokumen pengenalan diri. Berdasarkan dokumen bukti yang ditunjukkan oleh penduduk Long Belok, isu pendaftaran dapat dikategorikan seperti di **Jadual 8** berikut:

Jadual 8 : Kategori Isu Pendaftaran

ISU	PENYELESAIAN
i. Belum mempunyai dokumen pengenalan diri.	a. Memohon di pejabat JPN atau semasa pendaftaran bergerak Unit Khas Bergerak.
ii. Memegang resit pengenalan diri sementara JPN 1/9.	b. Rekod permohonan tidak dapat dikesan (operasi tahun 1990an). Pemohon perlu membuat permohonan baru.
iii. Memegang resit lawatan Unit Khas Bergerak (April 2008).	c. Keputusan telah dikeluarkan. Penyerahan dokumen pengenalan diri akan dibuat kemudian.
iv. Rekod Kad Pengenalan versi “O” (kanak-kanak yang mempunyai sijil lahir dan mencapai umur 12 tahun yang ada sijil lahir	d. Pemohon perlu memohon Kad Pengenalan.

ISU	PENYELESAIAN
<p>tetapi masih belum memohon kad pengenalan, pemegang kad pengenalan plastik tetapi masih belum menukar kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT / MyKad).</p>	
<p>v. Denda kad pengenalan lewat.</p>	<p>e. Ketua pejabat/Ketua operasi diberi kebenaran mempertimbangkan denda atau bayaran.</p>
<p>vi. Sijil Lahir yang berstatus taraf belum ditentukan.</p>	<p>f. Pengesahan taraf anak akan ditentukan setelah ibu atau bapa mendapat status kewarganegaraan.</p>

iii. JPN memberi kelonggaran tertentu kepada komuniti Penan tanpa memerlukan pemohon memenuhi kesemua syarat permohonan pendaftaran kelahiran yang ditetapkan, sekiranya

pegawai JPN yakin dan berpuas hati terhadap kesahihan permohonan tersebut. Misalnya, komuniti Penan masih belum mempunyai surat nikah kerana Undang-undang mengenai Adat Penan masih belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pihak JPN Sarawak menerima surat pengesahan nikah yang ditandatangani oleh ketua kaum Penan untuk tujuan pendaftaran kelahiran.

Jadual 9 : Pendaftaran Kelahiran Lewat

Prosedur	Syarat Permohonan
<p><u>Dokumen yang diperlukan:</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Gambar adik beradik;• Sijil berhenti sekolah / surat pengesahan Guru Besar;• Surat pengesahan Tuai Rumah;• Surat pengesahan	<p><u>Pemaklum:</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Ibu/bapa/saudara/orang yang mengetahui kelahiran.• Bayaran dikenakan sebanyak RM 10.00.

Prosedur	Syarat Permohonan
<p>penyambut kelahiran; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akuan sumpah. 	

Jadual 10 : Permohonan Kad Pengenalan Lewat

Prosedur	Syarat Permohonan
<p><u>Dokumen yang diperlukan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Gambar adik beradik; • Sijil lahir adik beradik; dan • Kad pengenalan adik beradik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon mestilah berumur genap 12 tahun; • Pemohon hadir bersama penganjur (ibu/bapa/penjaga); dan • Mengisi borang JPN.KP01



Gambar 23 : Temubual oleh pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak di Long Item.



Gambar 24 : Proses semakan keperluan dokumen pendaftaran oleh pegawai Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak.

iv. Punca Ketiadaan Dokumen Pengenalan Diri:

a. Ketiadaan Prasarana

Kawasan petempatan Penan di kawasan Baram terpencil di pedalaman dan berjauhan antara satu sama lain. Kawasan Baram mempunyai keluasan 22,000 km persegi. Jalan raya berturap hanya terdapat dari Miri ke pekan Beluru sahaja. Pekan Long Lama yang menghubungkan beberapa petempatan Penan masih lagi tidak mempunyai jalan raya berturap kecuali jalan balak yang tidak memuaskan. Ketiadaan prasarana seperti jalan raya dan sistem pengangkutan awam menyebabkan penduduk Penan di kawasan Baram dan kaum lain yang tinggal di pedalaman sering bergantung kepada bantuan syarikat pembalakan untuk ke pejabat JPN di Long Lama atau JPN Marudi di Baram;

b. Kemiskinan

Menurut sumber pejabat Residen Miri, penduduk Penan di kawasan pedalaman masih berada di bawah paras kemiskinan tegar kerana mereka mempunyai pendapatan kurang daripada RM300 sebulan. Kesempitan kewangan ditambah pula

kesukaran pengangkutan adalah antara faktor penyumbang mengapa penduduk Penan tidak mampu pergi ke pejabat JPN yang berdekatan untuk urusan pendaftaran dan pengambilan dokumen pengenalan diri yang telah siap. Oleh itu, terdapat dokumen pengenalan diri (kad pengenalan dan sijil lahir) yang telah siap tetapi masih belum dituntut dari pejabat JPN Miri, Long Lama, Marudi dan Belaga; dan

c. **Kurang Kesedaran**

Tahap kesedaran di kalangan kaum Penan tentang kepentingan dokumen pengenalan diri dan undang-undang berkaitan masih rendah. Oleh yang demikian, masih ramai penduduk Penan yang mendaftar kelahiran selepas 42 hari dari tarikh kelahiran.

4.4 CADANGAN DAN SYOR (ISU PENDAFTARAN)

- i. **Operasi Pendaftaran Bergerak Berjadual**
 - a. Kebanyakan penduduk Penan dan juga penduduk di kawasan pedalaman lain mengharapkan lawatan bergerak JPN untuk membuat urusan pendaftaran. Bagi kawasan Baram, JPN merancang untuk mengadakan lawatan ke pusat petempatan yang dikenal pasti bagi setiap enam bulan. Tempoh tersebut adalah sesuai bagi urusan pendaftaran kelahiran dan permohonan kad pengenalan;
 - b. Dua pendekatan untuk melaksanakan operasi pendaftaran bergerak tersebut adalah melalui jalan darat dan menggunakan helikopter. Penggunaan kenderaan pacuan empat roda boleh diteruskan bagi petempatan Penan yang tidak terlalu terpencil dan membahayakan nyawa kakitangan. Petempatan yang dikenal pasti ialah Long San, Long Kevok dan Long Sait yang boleh dijadikan pusat operasi bagi beberapa petempatan yang berdekatan; dan

c. Bagi petempatan Penan yang jauh dan sukar dihubungi melalui jalan darat penggunaan helikopter adalah lebih praktikal dan boleh menjimatkan tempoh masa lawatan. Petempatan Penan yang dikenal pasti sesuai menggunakan helikopter ialah Long Lamai, Long Jekitan, Long Kerong dan Batu Bungan. Petempatan ini boleh dijadikan pusat pendaftaran bagi beberapa petempatan lain yang berhampiran. Di Belaga, Bahagian Kapit, petempatan Penan yang dikenal pasti perlu menggunakan helikopter ialah Long Unai dan Lusong Laku.

Jadual 11 : Perbandingan Kos dan Tempoh masa di antara helikopter dan kenderaan pacuan empat roda (4WD)

Butiran	Helikopter	4WD
Kos keseluruhan bagi 12 operasi	RM 382,050	RM 208,800
Tempoh Operasi	12 hari	120 hari
Masa penyerahan dokumen	4 hari	12 hari

ii. Operasi Pendaftaran Bersepadu

a. Operasi ke kawasan pedalaman boleh disertai oleh beberapa agensi Kerajaan lain berdasarkan peranan dan tanggungjawab agensi terbabit dalam usaha memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan pedalaman. Operasi bersepadu secara besar-besaran bergantung kepada keperluan dan kumpulan sasar yang terlibat. Ia sesuai diadakan di petempatan Penan yang boleh dihubungkan melalui jalan darat. Antara agensi yang dikenal pasti boleh menjayakan program ini ialah Jabatan Pendaftaran Negara, Pejabat Residen dan Daerah, Mahkamah Bergerak, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelajaran, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Penerangan dan Jabatan Imigresen. Dicadangkan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak/Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi menjadi penyelaras bersama kerana perkara ini melibatkan agensi Persekutuan dan Negeri.

iii. Menempatkan Dua Pasukan Unit Khas Bergerak (UKB) di JPN Miri

a. Terdapat keperluan untuk menempatkan sebahagian kakitangan Unit Khas Bergerak (UKB) di Ibu Pejabat Kuching ke JPN Miri bagi memberi fokus operasi ke kawasan Baram dengan lebih kerap dan terancang. Selain Baram, pasukan UKB Miri akan dapat mengadakan operasi pendaftaran ke kawasan pedalaman Limbang, Lawas dan Belaga yang mempunyai penduduk Penan dan etnik lain dengan cepat berbanding dari Kuching.

4.5 PENEMUAN ISU KESIHATAN

- i. Dapatan daripada lawatan Jawatankuasa Bertindak adalah seperti berikut:
 - a. Kesemua petempatan ini terletak jauh antara satu sama lain dengan hanya dihubungi oleh jalan pembalakan dan sungai. Long Item merupakan petempatan yang sangat daif berbanding dengan empat petempatan lain yang dilawati oleh *Kumpulan Satu*;
 - b. Ketiadaan prasarana seperti jalan raya dan sistem pengangkutan awam menyebabkan penduduk Penan di kawasan Baram dan kaum lain yang tinggal di pedalaman menghadapi kesukaran beruruskan bagi mendapatkan rawatan di hospital atau klinik berdekatan;
 - c. Klinik kesihatan yang berdekatan dengan Long Item adalah di Long Bedian (empat jam perjalanan menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan balak) dan Long Lama (enam jam perjalanan menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan balak);

- d. Kebanyakan kes kelahiran bayi disambut oleh bidan kampung. Sebahagian besar dari kanak-kanak kaum ini pula tidak mendapat suntikan imunisasi, malah kesedaran tentang kepentingan imunisasi amat kurang di kalangan ibu bapa;
- e. Perkhidmatan kesihatan ke Long Item juga diberikan melalui *Flying Doctor Services* (FDS). Pada tahun 2008, FDS telah memberikan perkhidmatan sebanyak tiga kali. Kali terakhir adalah pada bulan Oktober 2008. Pada tahun 2007, FDS di kawasan ini telah tidak beroperasi. Tiada perkhidmatan FDS diberikan secara terus ke Long Kawi, tetapi komuniti Long Kawi boleh mendapatkan rawatan melalui FDS di Long Item. Jadual perkhidmatan FDS selalunya dihebahkan melalui radio;
- f. Selain dari itu, terdapat perkhidmatan pasukan perubatan bergerak yang memberikan khidmat ke kampung-kampung ini mengikut jadual yang telah ditetapkan; dan

- g. Bagi Long Luteng yang mempunyai sekolah, perkhidmatan perubatan kesihatan sekolah diberikan.

Tarikh : 13 November 2008

ii. Hasil lawatan ke Klinik Kesihatan (KK) Long Lama, Baram

Temubual juga telah diadakan dengan kakitangan di Klinik Kesihatan Long Lama. Hasil temubual adalah seperti berikut:

- a. Klinik Kesihatan Long Lama memberikan perkhidmatan bagi komuniti Long Lama dan komuniti yang berhampiran;
- b. Menyediakan perkhidmatan pesakit luar, kesihatan ibu dan anak. Perkhidmatan ambulan juga disediakan bagi menghantar kes berkomplikasi ke Hospital Miri;
- c. Terdapat permasalahan ketiadaan sijil kelahiran dan kad pengenalan bagi pesakit Penan; dan

- d. Anggota kesihatan di klinik ini tidak pernah menerima latihan khusus bagi penderaan seksual. Sungguhpun demikian, Klinik Kesihatan ini belum pernah menerima sebarang kes penderaan seksual.



Gambar 25 : Papan tanda Klinik Kesihatan Long Lama, Baram.



Gambar 26 : Pandangan dari luar Klinik Kesihatan Long Lama.

- iii. **Status semasa perkhidmatan kesihatan bagi kaum Penan :**
- a. Memang tidak dinafikan akses masyarakat kaum Penan kepada kemudahan dan penjagaan kesihatan adalah terhad. Ini tidak bererti bahawa hak asasi masyarakat Penan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan telah dinafikan tetapi disebabkan oleh beberapa faktor penyumbang lain;

- b. Antara cabaran bagi anggota Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dalam memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk kaum Penan adalah:
- Keadaan muka bumi Negeri Sarawak yang berbukit-bukau dan jumlah masyarakat Penan yang tidak ramai di satu-satu lokasi;
 - Tinggal di kawasan pedalaman dan masih berpindah-randah;
 - Perjalanan melalui sungai, hutan dan jalan balak yang sukar; dan
 - Tidak mempunyai sistem pengangkutan yang teratur.
- c. Bagi mengatasi masalah tersebut, semenjak 1970 Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menggunakan pelbagai saluran untuk mendekati dan mempertingkatkan tahap kesihatan masyarakat Penan dengan menyediakan perkhidmatan doktor udara (PDU), lawatan pasukan kawalan penyakit malaria, pasukan klinik bergerak dan melatih sukarelawan kaum Penan sebagai wakil kesihatan kampung;

- d. Perkhidmatan dan aktiviti kesihatan lain yang dijalankan oleh Perkhidmatan Doktor Udara (PDU), Sarawak yang dijadualkan setiap bulan ke lokasi kaum Penan di Limbang, Baram dan Belaga. Pada tahun 2008, lawatan PDU ke kampung kaum Penan telah dimulakan pada pertengahan bulan Februari 2008;
- e. Pada tahun 2007 apabila Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menghadapi masalah dan dengan kegagalan PDU, pihak Jabatan telah bertindak dengan mengadakan lawatan dan perkhidmatan perubatan bergerak melalui Pasukan Kesihatan Kampung ke Kampung Kaum Penan (PKKK) dengan memberi perkhidmatan seperti kesihatan ibu dan anak, memberi rawatan serta pendidikan kesihatan. Kegagalan ini disebabkan pihak yang diberikan kontrak gagal dalam memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dan melanggar kontrak serta tidak dapat menyediakan helikopter untuk tujuan tersebut;
- f. Buat masa ini dan bermula dari 15 Feb 2008, kontrak sementara diberikan kepada dua buah

syarikat dan PDU khususnya di kawasan Baram telah beroperasi semula;

- g. Di samping itu Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menjalankan lawatan untuk menjalankan susulan khas pemberian imunisasi (*mopping up*) dan kajian kesihatan seperti kajian penyakit kusta, penyakit tibi, pemakanan serta status kesihatan terhadap kaum Penan;
- h. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah melatih sukarelawan kaum Penan sebagai Wakil Kesihatan Kampung (WKK) semenjak tahun 1983. Tujuan utama program WKK ini adalah untuk menjadi sukarelawan dan bertindak untuk menjaga kesihatan masyarakat setempat. Ini termasuk memberi rawatan ringan, pertolongan cemas, mengajar kaum Penan cara menjaga kesihatan dan merujuk kes awal ke klinik berdekatan. Setakat ini seramai 168 orang sukarelawan kaum Penan telah dilatih sebagai WKK untuk 73 buah kampung kaum Penan di Sarawak;

- i. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak melalui Program Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar (BAKAS) telah membina dan membekal air bersih melalui sistem paip graviti (PG) di kampung atau penempatan tetap. Aktiviti pembinaan tandas curah dan sistem perparitan kumbahan juga dibekal dan dibina. Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut tidak dijaga dan diguna dengan sempurna; dan
- j. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menjalankan pelbagai aktiviti kesihatan untuk penduduk pedalaman melalui pendekatan “*reach the unreachable*” bagi melibatkan masyarakat dalam penjagaan kesihatan.

4.6 CADANGAN DAN SYOR (ISU KESIHATAN)

- i. Masalah utama di komuniti yang ditemubual adalah kemiskinan dan ketiadaan sistem pengangkutan menyebabkan kebergantungan yang tinggi kepada ihsan kenderaan syarikat pembalakan. Tahap pengetahuan dan kesedaran komuniti tentang kesihatan reproduktif juga didapati amat rendah;
- ii. Petempatan yang terletak terlalu jauh di kawasan pedalaman dengan penduduk yang kecil merupakan kekangan kepada perkhidmatan PDU dan Perkhidmatan Perubatan Bergerak (PPB) yang menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4WD) di mana kos operasi bagi perkhidmatan ini amat tinggi;
- iii. Perkhidmatan juga tidak dapat diberikan secara kerap kerana anggota yang terlibat adalah dari Klinik Kesihatan Long Bedian yang juga terpaksa menjalankan tugas serta memastikan program kesihatan sedia ada di klinik kesihatan terbabit berjalan dengan lancar;
- iv. Oleh yang demikian, peruntukan kewangan yang mencukupi juga amat diperlukan bagi memastikan

- perkhidmatan PDU dan PPB dapat diteruskan secara tetap dan berjadual. PPB memerlukan sekurang-kurangnya RM4,000 seminggu bagi setiap kali lawatan;
- v. Perlu diwujudkan satu pasukan khusus dan tetap untuk PDU dan PPB supaya tidak lagi menggunakan kakitangan klinik kesihatan seperti Klinik Kesihatan Long Bedian agar perkhidmatan klinik tersebut tidak terjejas;
 - vi. Anggota kesihatan perlu diberi latihan tentang penderaan seksual agar mereka yang bertindak sebagai barisan hadapan (*front liners*) kepada kes berkaitan akan lebih peka dan berkemampuan mengendalikan kes-kes penderaan seksual;
 - vii. Memperkuuhkan perkhidmatan kesihatan bergerak untuk kaum Penan melalui PKKK. Aktiviti ini perlu mendapat peruntukan dari segi jawatan dan pengisian, kewangan serta penyediaan kenderaan yang sesuai. Dasar baru telah dipohon dan akan terus dipohon sehingga mendapat pengiktirafan rasmi dari segi belanjawan dan perjawatan untuk aktiviti ini. Ini memerlukan komitmen Kerajaan amnya dan Kementerian Kesihatan khususnya dari segi

- peruntukan kewangan, anggota yang mencukupi dan kemudahan (kenderaan) bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisyen; dan
- viii. Memperkuuhkan penglibatan masyarakat Penan dengan melatih lebih ramai orang Penan sebagai WKK untuk aktiviti promosi kesihatan.

4.7 PENEMUAN ISU PENDIDIKAN

- i. Berikut merupakan isu-isu yang ditemui berkaitan pendidikan di **sekolah rendah yang mana pelajarnya adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik:**
 - a. **Faktor kemiskinan** – ibu bapa sukar menyediakan keperluan asas persekolahan;
 - b. **Pengangkutan** – Pihak sekolah memerlukan kenderaan atau pengangkutan yang mencukupi untuk membawa murid ke sekolah dan menghantar pulang ke rumah. Perjalanan pergi balik dari sekolah ke rumah murid pula mengambil masa selama lebih kurang empat hingga enam jam;
 - c. **Kemudahan asas** – Pihak sekolah juga berhadapan dengan masalah ketiadaan bekalan air dan kemudahan internet. Pihak sekolah bergantung kepada sumber air hujan untuk keperluan sehari-hari. Masalah kekurangan bekalan air akan lebih meruncing semasa musim kemarau; dan

- d. **Ketidakhadiran ke sekolah** – Tahap ketidakhadiran ke kelas adalah sangat tinggi sebanyak 30% setiap hari di kalangan murid kaum Penan. Berdasarkan kepada maklum balas, didapati antara punca ketidakhadiran adalah seperti berikut:
- Jarak sekolah dari rumah terlalu jauh menyebabkan mereka terpaksa tinggal di asrama yang disediakan oleh pihak sekolah;
 - Pelajar terpaksa berpisah dari keluarga seawal umur tujuh tahun untuk menetap di asrama sekolah. Keadaan ini menyukarkan ibu bapa dan anak untuk menghadapi situasi ini;
 - Kurang kesedaran tentang kepentingan pelajaran;
 - Prestasi akademik murid yang sangat rendah;
 - Kekurangan bantuan kemudahan asas harian seperti kasut, baju, ubat gigi, sabun dan sebagainya;

- Kemudahan asas untuk keselamatan diperlukan terutamanya pagar sekolah bagi mengelakkan sebarang kes kecurian dan pencerobohan; dan
- Kadar keciciran yang tinggi di kalangan pelajar kaum Penan.



Gambar 27 : Pandangan dari luar kawasan Sekolah Long Lapok, Tinjar.

ii. Isu-isu yang ditemui berkaitan pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Long Kevok, Ulu Baram (**Sekolah Berasrama yang mana 100% pelajarnya adalah terdiri daripada murid kaum Penan**):

a. **Pengangkutan** – Pihak sekolah memerlukan kenderaan/pengangkutan yang mencukupi untuk membawa murid ke sekolah dan menghantar pulang ke rumah. Semasa lawatan murid sedang membuat persiapan untuk pulang ke kampung masing-masing walaupun musim cuti persekolahan belum tiba. Pihak sekolah terpaksa membenarkan mereka pulang ke rumah kerana kenderaan syarikat pembalakan hanya boleh membawa mereka pada hari tersebut sahaja, sedangkan pihak sekolah hanya disediakan dengan sebuah kenderaan sahaja untuk tujuan tersebut. Dalam keadaan terdesak guru mengambil inisiatif sendiri untuk membawa mereka pulang. Oleh yang demikian, peruntukan kewangan khusus diperlukan bagi menyewa kenderaan syarikat pembalakan bagi tujuan tersebut;

- b. **Kemudahan asas** – Bagi menghindarkan sebarang kejadian buruk daripada berlaku pihak sekolah meminta agar pagar didirikan kerana kerap juga terjadi kecurian dan pecah rumah terutama rumah guru oleh penghuni kampung yang menganggur. Ruang asrama juga perlu ditambah memandangkan adanya pertambahan bilangan pelajar; dan
- c. **Mentaliti** – Ibu bapa tidak mendapat pendedahan tentang pentingnya pendidikan/pelajaran menyebabkan anak mereka kurang berminat untuk bersekolah dan selalu ponteng.



Gambar 28 : Sekumpulan kanak-kanak sekolah yang menggunakan perkhidmatan kendaraan pacuan empat roda untuk berulang alik dari rumah ke sekolah yang boleh membahayakan keselamatan mereka.

- iii. Berikut merupakan isu-isu yang ditemui berkaitan pendidikan di sekolah menengah yang mana pelajarnya adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik

Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Lawai Jau

- a. **Pengangkutan** – Pihak sekolah hanya mampu membawa murid ke sekolah dan menghantar

pulang ke rumah dengan menyewa kenderaan syarikat pembalakan sebanyak dua kali setahun dan ada yang diambil sendiri oleh ibu bapa atau ahli keluarga terdekat;

- b. **Kesedaran** – Murid Penan sukar untuk balik semula ke sekolah setelah cuti persekolahan tamat. Sekiranya mereka melakukan kesalahan pihak sekolah tidak mengenakan tindakan disiplin yang berat kerana khuatir mereka akan lari dari sekolah atau tidak akan hadir langsung;
- c. Kelas pemulihan yang tidak konsisten kerana pertukaran guru yang kerap;
- d. Kekurangan kelas tambahan; dan
- e. Kebanyakan murid lepasan Tingkatan Lima akan berhijrah ke Miri untuk mencari pekerjaan.



Gambar 29 : Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Lawai Jau.

Sekolah Menengah Kebangsaan Long Lama, Baram

- a. Sekolah Menengah Kebangsaan Long Lama tidak berhadapan dengan masalah¹ dari segi **pengangkutan, kemudahan asas** dan **mentaliti** penduduk kampung kerana lokasi sekolah yang terletak di pekan daerah Baram. Semua kemudahan asas dan infrastruktur telah dilengkapkan. Majoriti ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah; dan

¹ Maklumat diperoleh daripada Pengetua Sekolah, En. Ng Cheng Soo.

- b. Pihak sekolah yang ditemui juga mencadangkan supaya beberapa program/aktiviti seperti berikut dilaksanakan:
- Kesedaran terhadap pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual;
 - Menambah bilangan kelas pemulihan untuk pelajar yang lemah dalam mata pelajaran matematik dan bahasa Inggeris;
 - Menyediakan guru pemulihan khas untuk mengajar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI); dan
 - Memantapkan lagi kurikulum sekolah di mana dapat diselitkan adat budaya pelbagai etnik pribumi Sarawak dan Sabah.

4.8 CADANGAN DAN SYOR (ISU PENDIDIKAN)

- i. Memastikan peruntukan pengangkutan yang mencukupi disalurkan ke sekolah secara berkesan;
- ii. Menyediakan kemudahan kenderaan kepada sekolah berserta pemandu dan peruntukan penyelenggaraan kenderaan;
- iii. Menyediakan kemudahan tadika dan taska di setiap rumah panjang;
- iv. mengadakan latihan orientasi kepada guru baru supaya mereka dapat memahami masalah murid Penan;
- v. Kelas transisi ke arah kerjaya (*career counselling*) dan motivasi kepada pelajar yang akan menamatkan alam persekolahan;
- vi. Pemilihan pemandu kenderaan oleh pihak sekolah;
- vii. Menambah bilangan dan memenuhi jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPm). PPm boleh ditugaskan untuk mengiringi pelajar pulang ke kampung halaman masing-masing. Sekiranya perjawatan lebih dari seorang PPm boleh menggunakan sistem giliran semasa mengiringi pelajar;

- viii. Menambah peruntukan untuk program Kelas Dewasa Bagi Orang Asli dan Penan (KEDAP) bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pelajaran; dan
- ix. Menyediakan kemudahan penginapan sementara berhampiran sekolah untuk ibu bapa yang menghantar atau melawat anak di sekolah.

BAHAGIAN KELIMA : KESIMPULAN

- 5.1 Ahli Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan Bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual Terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak telah sebulat suara membuat kesimpulan seperti yang tertera di bawah:**
- i. Ahli Jawatankuasa Bertindak memutuskan bahawa dakwaan mengenai penderaan seksual di kalangan kanak-kanak perempuan dan wanita Penan oleh orang luar yang berurusan dengan kaum Penan termasuk pekerja syarikat pembalakan dan peniaga-peniaga memang berlaku;
 - ii. Penderaan seksual ini kebanyakannya berlaku akibat daripada kebergantungan mangsa kepada pengangkutan kenderaan milik syarikat pembalakan dan kehadiran orang luar yang berurusan dengan orang kampung untuk membeli hasil hutan;
 - iii. Penderaan seksual sangat tidak diterima oleh masyarakat Penan, namun begitu, mereka sangat terdedah kepada masalah ini disebabkan oleh:

- a. kemiskinan hidup;
 - b. tempat tinggal yang jauh di pedalaman;
 - c. kebergantungan kepada syarikat pembalakan yang terlalu tinggi bukan hanya dari segi pengangkutan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan persekolahan tetapi juga kemudahan asas termasuk bekalan air, kemudahan generator elektrik dan lain-lain;
 - d. kurang rasa percaya terhadap pihak berkuasa; dan
 - e. persepsi negatif dan prejudis terhadap kaum Penan oleh masyarakat luar seperti malas, suka berbohong dan ketagihan arak oleh masyarakat luar menyebabkan mereka merasa terpinggir dan rendah diri. Ini menyukarkan mereka untuk berurusan dengan pihak luar.
- iii. Kesemua isu, iaitu penderaan seksual, ketiadaan dokumen pengenalan diri, masalah kesihatan dan keciciran dalam pendidikan di kalangan kaum Penan di kawasan Baram, Miri, Sarawak sebenarnya berkait rapat dengan masalah pembangunan yang tidak

- mampu dan menyeluruh. Ketiadaan infrastruktur seperti jalan raya ditambah pula ketiadaan kemudahan pengangkutan awam telah menimbulkan kesukaran kepada penduduk Penan untuk berurus dengan pihak luar termasuk agensi Kerajaan; dan
- iv. Bagi memastikan pembangunan yang lebih seimbang, penglibatan masyarakat kaum Penan perlu ditingkatkan dalam setiap proses membuat keputusan yang melibatkan mereka.


Disediakan oleh:

Urus Setia

**Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi
Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual Terhadap Wanita
Kaum Penan di Sarawak**


LAMPIRAN

Keratan Akbar



'Cynthia' holding her two-month-old baby girl. The Form Three student was raped at a logging camp where she was forced to stay overnight while using a logging company transport to get to school last year. - Pic by SIA HONG KIAU / The Star

NDAY 6 OCTOBER 2008



At grave risk: Young Penan women bathing and washing in a polluted river next to their settlement. As the Penan communities in middle Baram struggle to stave off the continuous destruction of their ancestral lands by logging firms, their womenfolk are being victimised by timber company workers.

Violated by loggers

Stories by HILARY CHIEW
hinchiew@thestar.com.my
Pictures by SIA HIAU

BLOCKADES have sprung up again in middle Baram, in the midst of the padi planting season in interior Sarawak. Several Penan communities have abandoned the padi fields to put up symbolic barricades – flimsy wooden gates across logging roads – to stop encroachment into the last stretch of remaining ancestral forest in a region that has seen extensive logging over the last 25 years.

The once-nomadic tribe, noted for their unwavering rejection of logging on their territory and synonymous with blockades since the late 1980s, is fighting a losing battle against the Government-backed timber industry.

Yet another sinister threat crept into the remote immunities – Penan women, especially the young ones, are preyed on by workers from logging companies.

About three weeks ago, a media release by non-governmental organisation Bruno Manser Foundation (BMF) brought to light a long-held concern – the sexual abuse of Penan women.

The Swiss group charged that workers from two timber companies were preying on Penan women in the various settlements within the companies' operation areas, and targeting female students who relied on the companies' transportation service to get to school.

Students from middle Baram are boarders in secondary schools in the interior towns of Long Lama and Long San, which could take up to a week to travel on foot from their villages. The Baram district in Miri division is almost as big as the state of Perak.

The allegations were flatly denied by Deputy Chief Minister Tan Sri Alfred Jabu who dismissed the NGO's claims as baseless. Jabu, who is also Rural Development Minister, challenged BMF to name the villages otherwise "it would be a waste of time to investigate".

Teenage schoolgirls have become the latest target of unscrupulous timber workers.

Largely ignorant of their rights and not well-versed in criminal law, the Penans have long suffered the transgression against their women-folk in silence.

The problem is further compounded by stigmatisation associated with rape in the predominantly Christian communities.

Sexual violations

A visit to several villages reveals the prevalence of sexual abuse since the advent of commercial logging. Village leaders who readily air their grousing of hardship brought by logging are hesitant to talk about the sexual exploitation by workers from nearby logging camps.

Nonetheless, at Long Pakan, Bulan Laing, a female elder claims that violation of the women began around 1996 when a Miri-based logging company arrived.

"There have been three pregnancies so far; the last one was in 2006. In one case, the woman married the Indonesian worker who violated her but was later divorced after she was sexually abused by another worker," recalls Bulan.

Asked if the cases were reported to the police, Bulan appears not to know that rape is a criminal offence.

"We complained to the camp manager. He assured us that they would take action against their men but we're still suffering."

Her husband, headman Pada Jutang, says: "We've lost hope in the police taking any action. So we stopped going to them."

The village's nearest neighbour, Long Item – two hours' drive away – faces a similar predicament. Headman Balan Jon reveals the modus operandi of unscrupulous timber workers.

He says the workers come to the village in small groups of not more than five, either on

motorcycle or by company vehicle, with alcoholic drinks and entice the young men to join them for drinking binges at night.

"They become bold after several drinks and will coax our boys to bring them to houses with young women or girls."

"Or they bring along instant noodles and persuade the victims to cook them a meal on the pretext that they have not yet had dinner. They then hang around and wait for the chance to strike after other occupants of the house turn in for the night," adds Balan.

Bulan explains that young Penan men are curious about "anything from the cities" and are easily influenced despite advice by village leaders to be wary of these outsiders. She also suspects that the victims could have been drugged.

Balan laments that complaints to the company's managers on the ground are not taken seriously.

"There are always new workers showing up. They are also good at covering their tracks and the camp manager refuses to investigate or take action," he says dejectedly. Like Pada, Balan says he has given up on the police.

Further north in the Apoh region, Long Belok's headman Alah Beling recalls no less than four cases of sexual violation. The latest incident resulted in a baby born last December. He reckons that the known numbers could just be the tip of the iceberg. Victims who do not end up with unwanted pregnancies may choose to remain silent to hide their shame.

Easy targets

It appears that schoolgirls are the latest to be preyed upon, according to villagers at Long Kawi, next to Long Item. They complain that timber workers come to the village during the day to identify the young girls and return later at night to carry out their plans. The harassment gets worse during the school holidays when the girls are around.

But the latest revelation of female students being made to stay overnight in logging camps,

> SEE NEXT PAGE



Bulan Laing, a female elder from Long Pakan claims that violation of the women began around 1996 when a logging company began operation in middle Baram.

Against their will

ON a sunny Sunday morning last year, 16-year-old Cynthia boarded a four-wheel drive dispatched by logging company Samling to ferry students to SMK Long Lama from their longhouse in Long Kawi, middle Baram, Sarawak.

However, the driver did not send the passengers – two boys and three girls – to the school directly. He dropped by a logging camp and told the students that they had to spend the night there.

"It was around 4pm. Although the school is not far from the camp, the driver didn't want to continue the journey. The boys and girls were separated into two rooms. I was with my younger sister and another girl. When night fell, the men in the camp were drinking. In the middle of the night, several men came into our room. One of them dragged me from the room and took me to the bushes behind the camp," Cynthia recalls her ordeal. The other two girls were not harmed.

The Form 3 student became pregnant and delivered a baby girl a few months ago. Cynthia, who harbours hopes of being a nurse, is now unsure of her future as she has been absent from school due to her pregnancy.


The fair-skinned, soft-spoken girl had previously been harassed by workers from a Samling camp but managed to elude them.

Samling, when contacted, says the camp implicated in the incident may not have belonged to the company and urged those making the allegations to contact the police and provide accurate information to enable criminal investigations.

Samling's head of corporate communications Cheryl Yong says: "We are very concerned over the latest allegations even though we do not operate in the Temela Camp (where the alleged sexual assault took place). We do not condone any criminal acts within our premises or by employees."

Yong explains that Samling has a zero-tolerance policy towards alcohol consumption during work hours. Furthermore, alcohol sale is unavailable on its premises and anyone found consuming alcohol while working will be dismissed.

At Long Belok, Rina who was raped in her house and delivered a baby girl in May 2005,



A life ruined: Mindy, 21, is saddled with two children after being coerced into having sex by a timber company worker.

is fearful of timber camp workers. "If I see them in the village, I will run and hide in the forest."

She is glad that she did not have to marry the man who raped her despite persuasion from her parents, and neighbours' unkind remarks.

The youngest in a family of two boys and two girls, Rina, 20, says life is difficult with an extra mouth to feed. At times, she confesses that she feels like running away.

> FROM PREVIOUS PAGE

thus exposing them to sexual abuse, has plunged the Penan community into despair.

The Penans have abandoned their nomadic lifestyle so that their young ones could get an education and have a better life.

"If we don't send our children to school, we are blamed. But providing them transportation is beyond our ability. We are at the mercy of the timber companies. We've to beg them to ferry our children to the secondary schools which are far away."

"I walk my younger children to Long Kekok (a four-hour drive away) to attend primary school. This problem was discussed at the school's parent-teacher association meetings a few years ago. The school asked us to get help from the Government. There were promises but we're still waiting," says Galang Jutang, Pada's younger brother.

Principal of SMK Long Lama, Ng Cheng Soo, acknowledges that transportation remains a huge problem for Penan students who make up about 12% of the 945 pupils.

"We put in a proposal for a transport allocation in 2006 to the Resident Office in Miri," says Ng. Resident Ose Murang could not be reached for comment on the status of the proposal.

Ng adds that Penan students are catch-



Long Pakan headman Pada Jutang says his people lost hope in police taking any action and stopped going to them.

ing up in their studies as shown by their better examination results and lower dropout rates.

"We hold special remedial classes and show them what we care for them. They appreciate it and they like coming to school. Penan kids are the first to volunteer for any gotong-ropong events," Ng says, adding that being rather timid, Penan students are easily bullied.

Instances of students trekking in the jungle for days to get to school and even missing major examinations when company transportation fails to materialise, are common. Hitching a ride by the side of dusty logging roads makes teenage girls especially vulnerable.

Following recent publicity of the alleged sexual abuse of Penan women in the local media, Sarawak Police Commissioner Datuk Mohamad Salleh says the force needs a police report to be lodged to facilitate investigations.

Dismayed by the police response, the Women's Centre for Change pointed out that according to the Child Act 2001, the authorities must take action if they suspect child sexual abuse has taken place. Under the Act, anyone below the age of 18 is a child.

The Women, Family and Community Development Ministry and the Human Rights Commission have announced that they will investigate the claims.

A neglected people

THE Penan's protracted resistance to deforestation and the international attention the tribe continues to receive must have irked the Sarawak government.

The state government continues to dismiss their concerns over the loss of forest resources brought on by industrial logging that degrades the forest and pollutes the rivers.

At the height of the international anti-tropical timber campaign in the late 1980s, the state set up a Penan Affairs Committee to help the nomadic tribe to lead a settled life with promises of socio-economic development. The state announced allocations worth millions of ringgit.

Two decades later, the benefits remain elusive for many Penans. The rapid expansion of acacia and oil palm plantations eats into their ancestral land. To top it off, the natives are becoming illegals with many not having official documents.

The Human Rights Commission (Suhakam) has raised the issue of poor MyKad registration which complicates the issuance of birth certificates.

Suhakam has thus far failed in persuading the state government to resolve the land rights issue inflicting every native

group in Sarawak.

In recent years, the Penans are turning to the court of law to stop further encroachment.

But the nomadic Penans face a tough battle in claiming native customary rights (NCR) as the Sarawak Land Code 1958 states that one cannot stake a claim for NCR if one had not cultivated that piece of land before Jan 1, 1958.

In May 2007, further restrictions were imposed when the clause "any other lawful method of establishing land claim" in Section 5(2) was dropped. Lawyers had previously used that provision to argue for a broader interpretation of land use.

"When environmental groups suggest setting aside forests for wildlife, the state will agree but when we demand for our forests to be protected, we are ignored. It seems that the wildlife living in the forests are more valued than us humans," notes a young Penan.

Although disillusioned, the Penans remain hopeful.

As Balan Joni of Long Item puts it: "It's not only our livelihood but our culture and survival as a tribe has been affected for so long. We'll die if we continue to be neglected."

another in February.

Ah Heng now rarely visits nor provides maintenance for the family after his wife found out about his activities and accused Mindy of seducing her husband.

"I don't want him to come here anymore; I will raise the kids myself. I don't even love him," says Mindy.

■ The names of the girls mentioned in this story have been changed to protect their identities.

LAMPIRAN 2

Definisi Penderaan Seksual

Mengikut Akta Kanak-kanak 2001 seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan jika –

(a) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan dicederakan dari segi fizikal atau dicederakan dari segi emosi atau dianiyai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarga luasnya;

(b) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dicederakan dari segi fizikal atau dicederakan dari segi emosi atau dianiyai dari segi seks dan ibu atau bapa atau penjaganya, yang tahu tentang kecederaan atau penganiayaan atau kemungkinan sedemikian, telah tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu daripada kecederaan atau penganiayaan sedemikian;

Secara amnya, **Penderaan seksual** merujuk kepada sebarang perlakuan individu yang memaksa, memperdaya atau mengugut yang mendorong berlakunya hubungan seksual dengan mereka, semata-mata untuk memuaskan nafsu seksual.

Kajian berkenaan kesan penderaan seksual seringkali ditakrifkan sebagai termasuk mengajak atau meminta sebagai tambahan kepada tindakan sebenar, berkait dengan sebarang interaksi seksual antara individu, termasuk dari bercium atau memeluk sehingga kepada hubungan intim, dan semua aktiviti yang berkait.

Penderaan seksual mampu menyebabkan kecederaan fizikal dan kedua-dua kecederaan psychologikal dan emosi bagi jangka pendek dan jangka panjang, termasuk kemurungan klinikal, kecacatan tekanan post trauma (*post-traumatic stress disorder*), kerisauan, kecenderungan bagi menjadi pemangsa apabila dewasa, dan simptom lain.

LAMPIRAN 3

Ahli Kumpulan Satu bagi menyiasat Komuniti Penan

Bil.	Nama	Agensi
1	Cik Ivy Josiah (Ketua Kumpulan)	<i>Women's Aid Organisation</i>
2	Y. Bhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur	Jabatan Pembangunan Wanita
3	Y. Bhg. Datuk Hasan Sui	Wakil Kaum Penan
4	En. Abu Bakar Mat	Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak
5	Dr. Rosnah Ramly	Kementerian Kesihatan Malaysia
7	Chief Inspektor Solimant Nyian	Polis DiRaja Malaysia
8	En. Sidek Rashid	Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak
9	En. Elfian Satria Yaacob	Jabatan Pembangunan Wanita

10	Cik Naemah Ibrahim	Jabatan Pembangunan Wanita
11	Puan Mastika Matair	Jabatan Kebajikan Masyarakat
12	Puan Annie Liaw	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
13	En. John Fery Jame	Pejabat Residen Miri
14.	En. Norfirdaus Mois Sapian Suri	Jabatan Pembangunan Wanita

LAMPIRAN 4

Ahli Kumpulan Dua bagi menyiasat pelajar-pelajar sekolah

Bil.	Nama	Agensi
1	Puan Siti Fatimah Ismail (Ketua Kumpulan)	Jabatan Kebajikan Masyarakat
2	Dr. Hamizah Hassan	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
3	Puan Masniah Zamhari	Kementerian Pelajaran Malaysia
4	Dr. Prema E Devaraj	<i>Women's Centre for Change</i>
5	Cik Herlina Ajaib Jamhari	Biro Wanita Sarawak
6	Puan Junainah Che Ali	Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
7	En. Abang Rabaee Abang Muhi	Kementerian Kemajuan

		Luar Bandar dan Wilayah
8	Puan Norsalina Salim	Jabatan Pembangunan Wanita
9	En. Ramzi Ibrahim	Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak
10	En. Devadasan Manickam	Jabatan Pembangunan Wanita

AKRONIM

Akronim	Nama Penuh
----------------	-------------------

SK	Sekolah Kebangsaan
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
PPM	Perkhidmatan Perubatan Mobil
PPm	Pembantu Pengurusan Murid
PDU	Perkhidmatan Doktor Udara
KEDAP	Kelas Dewasa Asli dan Penan
FDS	Flying Doctor Service
UNDP	United Nations Development Programme
SPA	Sarawak Penan Association
UKB	Unit Khas Bergerak
LCDA	Land Consolidation and Rehabilitation Development Authority
NCR	Native Customary Rights

